

27/11/1999

PSP tekad jadi institusi terkemuka

POLITEKNIK Seberang Prai (PSP) yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mahu muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang teknikal dan perdagangan yang terkemuka di negara ini.

Namun dalam keghairahan untuk mencapai kecemerlangan itu, PSP tidak mahu ketinggalan dalam melahirkan graduan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berketerampilan selaras dengan falsafah pendidikan negara.

Pengetua PSP, Ashah Abd Rahman, berkata PSP yang ditubuhkan 1 September tahun lalu, di Jalan Permatang Pauh, Seberang Prai Tengah (SPT) membabitkan belanja kira-kira RM140 juta melalui peruntukan pinjaman Bank Dunia dengan keluasan kampus kira-kira 45 hektar (100 ekar).

PSP menawarkan kursus dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal dan perdagangan pada peringkat sijil dan diploma.

"Kini, PSP mempunyai seramai 145 kakitangan termasuk pengetua, ketua jabatan, pensyarah dan staf sokongan.

"Setakat ini, seramai 1,154 pelajar dari pelbagai kaum mendapat pendidikan peringkat sijil dan diploma di PSP," katanya.

Kampus PSP yang begitu canggi dapat menampung seramai 3,500 pelajar dalam satu sesi pengajian dengan menyediakan kemudahan asrama membabitkan seramai 1,278 pelajar.

Beliau berkata, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal menyediakan kursus bagi peringkat sijil dan diploma membabitkan kejuruteraan mekanikal loji, pembuatan dan tekstil.

Selain itu, Jabatan Kejuruteraan Elektrik menyediakan kursus bagi peringkat sijil dan diploma membabitkan kejuruteraan elektronik (komputer) dan teknologi maklumat.

Jabatan Perdagangan pula menyediakan kursus pemprosesan data, pengajian perniagaan dan penyimpan kira bagi peringkat sijil, manakala bagi peringkat diploma pula iaitu akauntansi dan pengajian perniagaan.

"Pelbagai kemudahan disediakan oleh PSP untuk memberi keselesaan kepada pelajar di situ bagi meningkatkan pendidikan mereka dengan didedahkan kemahiran yang lebih tinggi dan minat pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

"Sebagai institusi pengajian tinggi, PSP mampu melahirkan lebih ramai tenaga mahir separuh profesional bagi memenuhi keperluan negara," katanya.

Pelbagai kemudahan boleh diperolehi di PSP itu seperti makmal dan bengkel kejuruteraan mekanikal dan elektrik, makmal multimedia dan rekabentuk, pusat pendidikan lanjutan, dewan persidangan, makmal bahasa, pusat komputer dan pusat sumber.

Selain itu, hotel, taman asuhan kanak-kanak (Taska), koperasi, pusat Islam, kantin, kafeteria, kompleks sukan, pusat kegiatan pelajar, kamsis kediaman pelajar dan cyber cafe.

Politeknik itu adalah yang ke-10 diwujudkan di negara ini menyediakan enam blok Kamsis Bestari (asrama lelaki) manakala Kamsis Nurani pula menyediakan tiga blok asrama perempuan.

Penubuhan PSP juga dapat melahirkan lulusan separuh profesional dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan di peringkat sijil dan diploma bagi membantu memenuhi keperluan sumber manusia di sektor awam dan swasta.

(END)

